



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	TUJUAN	2
3.0	DEFINISI	3
4.0	SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN	3
5.0	SKOP PENDEDAHAN	3
6.0	SALURAN PENDEDAHAN	4
7.0	PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN	5
8.0	PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	5
9.0	KERAHSIAAN	6
10.0	PEMBATALAN PERLINDUNGAN	7
11.0	PENUTUP	7
	JADUAL 1 JMM(ASAL)	8
	JADUAL 2 JMM (PINDA)	9
	JADUAL 3 JK ADUAN BEBAS	10

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWING*)
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 *Whistleblowing* merupakan satu kaedah pendedahan yang boleh dibuat oleh seseorang di dalam sesebuah organisasi mengenai apa-apa pelanggaran integriti dan salah laku atau kesalahan yang telah atau sedang berlaku, sama ada di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan warga Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- 1.2 Polisi *Whistleblowing* (seterusnya akan di rujuk sebagai “Polisi ini” bertindak sebagai suatu sistem pemberitahuan maklumat yang boleh menutup ruang dan peluang perlakuan tidak berintegriti dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan sebuah organisasi yang lebih cekap dan berkesan ini bertujuan untuk menyokong secara langsung.
- 1.3 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini bertujuan untuk menyokong secara langsung Visi, Misi, Objektif, Kod Etika dan Tadbir Urus MPC, selaras dengan dengan Pelan Antirasuah MPC 2021-2025.
- 1.4 Polisi ini bertujuan untuk membolehkan Warga MPC dan pihak luar membuat pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu di dalam MPC. Ia juga sebagai jaminan bahawa Pemberi Maklumat adalah dilindungi.
- 1.5 Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblowing Policy*) ini bertujuan untuk membolehkan warga MPC dan pihak luar membuat pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam MPC. Ia juga sebagai jaminan bahawa Pemberi Maklumat adalah dilindungi atas pendedahan terhadap kelakuan tidak wajar yang dibuat.

- 1.6 Polisi ini diwujudkan berdasarkan kepada prinsip, MPC komited kepada nilai-nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam mengendalikan urusan rasminya. Kesalahan seperti penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan yang serius dan kesilapan pengurusan perlu dilaporkan mengikut mekanisma dalaman.

2.0 TUJUAN

2.1 Tujuan polisi ini dibangunkan adalah: -

- i) Untuk menggalakkan warga MPC dan pihak luar membuat pendedahan mengenai sebarang kelakuan tidak wajar.
- ii) Sebagai saluran rasmi kepada MPC dalam mengendalikan aduan kelakuan tidak wajar.
- iii) Untuk melindungi Pemberi Maklumat dari sebarang tindakan balas akibat dari pendedahan yang dibuatnya dan melindungi maklumat peribadi Pemberi Maklumat tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.

3.0 DEFINISI (TAFSIRAN)

3.1 Kelakuan tidak wajar

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

3.2 Individu dan/atau sekumpulan individu dalam MPC

Merujuk kepada warga termasuk pengurusan MPC.

3.3 Pemberi Maklumat

Mana-mana individu yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada MPC sama ada secara lisan atau bertulis.

3.4 Pihak luar

Mana-mana pihak yang terlibat dengan perkhidmatan MPC.

3.5 Pegawai Penerima Aduan

Pegawai yang menerima aduan yang dilantik oleh MPC secara bertulis dengan terma rujukan yang jelas.

4.0 SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN

- 4.1 Warga MPC, orang awam termasuk pemegang taruh MPC dan penjawat awam yang lain boleh mendedahkan mengenai perkara-perkara berkaitan penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah, salah laku amalan-amalan yang tidak sah dari segi peraturan dan undang-undang.

5.0 SKOP PENDEDAHAN

- 5.1 Polisi ini terpakai kepada pendedahan kelakuan tidak wajar yang dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam MPC berkenaan urusan rasmi MPC sahaja.

- 5.2 Pendedahan boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana salahlaku tidak wajar seperti berikut;-

- i) Rasuah atau penipuan;
- ii) Kesalahan jenayah;
- iii) Salah guna wang atau harta MPC;
- iv) Kesalahan tatatertib;
- v) Kesilapan pengurusan yang melampau dalam MPC;
- vi) Ketirisan kewangan yang serius atau pelanggaran peraturan kewangan yang serius dalam MPC;
- vii) Tindakan/pengabaian yang membahayakan kesihatan dan keselamatan Warga MPC, orang ramai atau alam sekitar.

- viii) Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- ix) Tindakan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesemua / mana-mana kesalahan di atas.

6.0 SALURAN PENDEDAHAN

6.1 Pendedahan boleh dibuat melalui kaedah-kaedah berikut:

- a) Berjumpa dengan Pegawai Unit Integriti & Governans (UIG) MPC untuk membuat pengaduan;
- b) Pendedahan secara panggilan telefon dengan menghubungi talian Unit Integriti MPC di talian 03-79557266.
- c) Seseorang yang ingin mengemukakan aduan/maklumat boleh menyalurkan aduan/maklumat kepada UIG secara bertulis dan melalui serahan tangan, pos atau emel di alamat seperti berikut:-

- i. Unit Integriti & Governans (UIG)
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 603 – 7955 7266

- ii. E-mel : integriti@mpc.gov.my

- iii. Borang Aduan Integriti di dalam Laman Web MPC

6.2 Pengadu perlu memberikan maklumat lengkap dan jelas seperti berikut: -

- a) Keterangan tentang salah laku dan identiti pihak yang terlibat;
- b) Keterangan tentang bagaimana insiden yang didakwa berlaku dengan menyatakan tempat, tarikh dan masa kejadian;
- c) Menyertakan keterangan yang berkaitan sama ada dokumen sokongan atau lain-lain perkara yang boleh menjadi bukti; dan

- d) Butir-butir Pelapor seperti nama, alamat, talian telefon dan emel untuk tujuan dihubungi dan maklumbalas.

7.0 PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN

- 7.1 Secara umumnya, proses aduan mengikut polisi ini adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.

8.0 PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

- 8.1 Pengaduan terhadap kelakuan tidak wajar hendaklah dibuat dengan niat suci hati dan mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa sebahagian besar maklumat diberi adalah benar, bukan palsu, berniat jahat atau bersifat fitnah. Aduan dibuat hendaklah berdasarkan kepada fakta dan tidak bersifat spekulatif.

- 8.2 Pemberi Maklumat akan diberi perlindungan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a) Identiti Pemberi Maklumat diketahui dan dapat dihubungi;
- b) Maklumat aduan tidak didedahkan kepada pihak lain,
- c) Maklumat kelakuan tidak wajar yang diberikan tidak terlarang di bawah undang-undang bertulis seperti akta sedia ada (Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166) dan akta-akta lain),

- 8.3 Perlindungan yang diberikan adalah seperti di bawah:-

8.3.1 Warga MPC.

- a) Pemberi Maklumat akan dilindungi dari tindak balas dalaman MPC sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya;
- b) Identiti dan maklumat Pemberi Maklumat di atas akan dilindungi dan diklasifikasikan sebagai "Rahsia".

- c) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan atas dasar “perlu tahu” sahaja.
- d) Satu tindakan balas dalaman bermaksud langkah-langkah disiplin, penurunan jawatan pertukaran penempatan, penilaian prestasi tahunan, penggantungan atau penamatan perkhidmatan (tetap/kontrak) dari MPC atau ancaman untuk melakukan mana-mana tindakan-tindakan ini.
- e) Jika seseorang warga MPC telah menghadapi gangguan, dijadikan mangsa atau dikenakan tindakan balas dalaman seperti dinyatakan di dalam 8.3.1(d) disebabkan kesan langsung kerana membuat pendedahan di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut kepada Pegawai Integriti Yang Dilantik.

8.3.2 Orang awam (termasuk pemegang taruh MPC).

- a) Identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi dan segala maklumat akan diklasifikasikan sebagai “Rahsia”.
- b) Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.

8.3.3 Mana-mana penjawat awam (bukan warga MPC).

- a) Identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi dan segala maklumat akan diklasifikasikan sebagai “Rahsia”.
- b) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses atas dasar “perlu tahu.”

9.0 KERAHSIAAN

- 9.1 Semua maklumat aduan dan identiti Pemberi Maklumat akan dikategorikan sebagai dokumen terperingkat “**SULIT**” dan diberi perlindungan di bawah Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia.

- 9.2 Seseorang yang didapati membocorkan identiti atau informasi pemberi maklumat boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000.

10.0 PEMBATALAN PERLINDUNGAN


- 10.1 Perlindungan juga akan terbatal dalam keadaan-keadaan berikut: -

- a) Pemberi Maklumat sendiri terlibat dalam melakukan salah laku yang dilaporkan olehnya;
- b) Pemberi maklumat dengan sengaja telah memberikan maklumat palsu;
- c) Pemberi Maklumat membuat laporan salah laku dengan motif untuk mengelak daripada ditamatkan perkhidmatan pekerjaan atau dikenakan tindakan tatatertib; dan
- d) Sama ada sebelum atau selepas membuat laporan salah laku, Pemberi Maklumat telah mendedahkan mana-mana butiran laporan itu kepada mana-mana pihak yang tidak berhak untuk mengetahuinya.


11.0 PENUTUP

- 11.1 Dengan wujudnya Polisi ini membuktikan bahawa MPC adalah komited, telus dan tidak akan berkompromi dengan sebarang perlakuan rasuah dan jenayah bagi memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan MPC.
- 11.2 Penguatkuasaan Polisi ini adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah MPC.
- 11.3 Polisi ini hendaklah disebarkan kepada semua Warga MPC, Ahli Lembaga Pengarah MPC dan pihak berkepentingan MPC serta dimuat naik di dalam laman web MPC. Pelaksanaan Polisi Pemberi Maklumat MPC ini berkuatkuasa mulai Tarikh Polisi ini diluluskan.
- 11.4 Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan lain-lain Garis Panduan dan Pekeliling berkaitan yang sedia ada dan berkuatkuasa di peringkat Kementerian dan Kerajaan.

**CARTA ALIR PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN DI BAWAH POLISI PEMBERI
MAKLUMAT MPC**



**CARTA ALIR PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN
DI BAWAH POLISI PEMBERI MAKLUMAT MPC**



**CARTA ALIR PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN
DI BAWAH POLISI PEMBERI MAKLUMAT MPC**

